

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [TAMPIN]

TARIKH : 04 NOVEMBER 2019

SOALAN

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bagaimanakah usaha Kerajaan untuk meyakinkan rakyat bahawa anak-anak yang menyertai bidang TVET ini juga turut mempunyai peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi bukan sahaja di dalam negara, bahkan sehingga ke luar negara. Apakah tindakan proaktif Kerajaan dalam memastikan bidang ini mendapat laluan kerja yang lebih cerah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Program-program TVET sedia ada sedang dinilai semula mengikut keperluan sektor ekonomi untuk meningkatkan kebolehpasaran pekerjaan di kalangan lepasan TVET dengan laluan kerjaya yang lebih cerah. Bagi menarik lebih ramai golongan muda menyertai aliran TVET, Kerajaan akan memastikan laluan pendidikan lanjutan bagi graduan TVET untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dapat direalisasikan melalui sistem akreditasi dan artikulasi yang lebih baik.
2. Pembangunan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET seperti yang digariskan oleh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11)

SOALAN NO : 27

akan memperkukuh tadbir urus TVET untuk pengurusan yang lebih baik. Sektor TVET akan diperkukuh melalui penubuhan sistem tunggal yang akan diguna pakai oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) bagi tujuan penyelarasan dan pemantauan TVET yang lebih baik. Sistem baharu ini akan bertanggungjawab mengakreditasi program TVET yang ditawarkan oleh institusi-institusi TVET awam dan swasta berdasarkan Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework*, MQF) Edisi Kedua. Pelaksanaan jaminan kualiti program-program TVET oleh MQA dan JPK akan dibuat berdasarkan dokumen *Code of Practice for TVET Programme Accreditation* yang telah selesai dibangunkan.

3. Strategi ini akan membolehkan mobiliti pelajar antara semua institusi TVET, membuka peluang kerjaya graduan TVET supaya lebih kompetitif dan memperluas peluang pembelajaran sepanjang hayat. Pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri pada 30 Januari 2019. Usaha tersebut adalah di antara tindakan proaktif Kerajaan bagi membuka peluang kepada pelajar TVET untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

4. Pelbagai langkah proaktif Kerajaan dalam memastikan bidang TVET mendapat laluan kerjaya yang lebih cerah melalui:

- (i) memperkemaskan dan memperluaskan program perantisan dan latihan industri yang bertujuan meningkatkan tahap kebolehpasaran belia khususnya graduan melalui latihan *soft-skills* dan *on-the-job training*. Program-program seperti ini telah menunjukkan kejayaan di mana lebih 90 peratus belia yang mengikuti program tersebut berjaya mendapat pekerjaan;

SOALAN NO : 27

- (ii) kepelbagaian peluang kerjaya tidak terhad untuk graduan TVET bekerja makan gaji semata-mata, malahan lulusan TVET juga boleh menceburi bidang keusahawanan yang turut dikenali sebagai *digital technopreneur*, iaitu usahawan dalam bidang teknikal. Bidang keusahawanan terutamanya dalam bidang perkhidmatan, pelancongan dan pertanian moden juga mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan; dan
 - (iii) bagi memastikan pertumbuhan mampan dan inklusif dalam pasaran buruh negara, Kerajaan berhasrat menambah baik kerjaya graduan TVET dengan pengiktirafan profesional teknologis melalui Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT). MBOT berperanan sebagai badan berkanun yang mengawal, menggalakkan dan membangunkan profesion teknologis di Malaysia. Dengan pengiktirafan profesional daripada MBOT kepada graduan TVET akan mengukuhkan jaminan dan keyakinan umum terhadap TVET sebagai kerjaya pilihan.
5. Semua usaha dan strategi tersebut adalah di antara tindakan berterusan Kerajaan bagi memastikan kepentingan semua golongan masyarakat yang cenderung kepada bidang teknikal terpelihara sekaligus menambahbaikkan taraf kehidupan mereka.